

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR**  
**(PERMATANG PAUH)**  
**TARIKH** : **29 OKTOBER 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 19**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bagaimana Kementerian dapat menyelaraskan kebergantungan rakyat pada kenderaan peribadi selaras usaha ke arah meminimakan impak perubahan iklim memandangkan jualan kereta peribadi meningkat daripada 514,697 pada 2017 kepada 533,202 pada tahun 2018 menurut Malaysian Automative Association.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan mengambil perhatian dan sedang meneliti , membuat kajian dan juga perancangan untuk menambah baik perkhidmatan pengangkutan awam di seluruh negeri bagi menggalakkan rakyat menggunakan perkhidmatan awam.
2. Kerajaan telah memperkenalkan inisiatif langganan Pas Bulanan Tanpa Had iaitu MY100 dan MY50 bagi semua perkhidmatan rel dan bas di bawah kendalian syarikat Prasarana Malaysia Berhad. Dengan hanya membayar RM100 bagi MY100 atau RM50 bagi MY50, pengguna rel dan bas boleh menikmati perjalanan tanpa had selama sebulan. Pada 1 April 2019, Kerajaan telah memperkenalkan diskaun tambang perjalanan sebanyak 20 peratus melalui program Kad XTRA20 bagi perkhidmatan KTM Komuter di sektor Lembah Klang, Selatan dan Utara kendalian

Keretapi Tanah Melayu Berhad. Pengguna XTRA20 hanya perlu membayar RM5 bagi pembelian kad XTRA20 untuk mendapat manfaat penjimatan diskaun tersebut.

3. Bagi memastikan kesalinghubungan pengangkutan awam di kawasan bandar dan petempatan penduduk, Kerajaan juga telah menambahbaik liputan kawasan perkhidmatan pengangkutan awam. Sebagai contoh, Kerajaan melalui Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) telah memperkenalkan 2 laluan baharu perkhidmatan bas percuma GoKL di Kuala Lumpur iaitu Laluan Jingga (Titiwangsa-MINDEF) mulai 28 Februari 2019 dan Laluan Merah Jambu (LRT Universiti-PPR Seri Pantai) mulai 1 April 2019. Kerajaan juga sedang mengkaji perluasan kawasan liputan pengangkutan awam di negeri-negeri lain melalui kerjasama dengan Kerajaan Negeri.

4. Bagi memberikan kesaksamaan dan keseimbangan antara industri teksi dan industri e-hailing, Kerajaan telah merancang dan sedang melaksanakan penambahbaikan seperti (i) membuka semua jenama kenderaan dan pilihan model bagi kegunaan teksi, (ii) lanjutan tempoh pemeriksaan berkala PUSPAKOM dan pengurangan kos kepada pemandu, (iii) penggunaan tambang dinamik bagi perkhidmatan teksi yang mengambil penumpang melalui tempahan aplikasi e-hailing selain tambang meter secara “street hail”, (iv) penetapan kadar komisen maksima 10 peratus oleh syarikat e-hailing kepada pemandu teksi bagi setiap trip, (v) memperkenalkan modul latihan baru kepada pemandu teksi yang ingin memohon lesen vokasional, dan (vi) menggalakkan pemandu teksi mencarum di dalam Skim Bencana Kerja Pekerjaan Sendiri di bawah PERKESO.

5. Kerajaan juga terus komited dalam memastikan pembangunan projek-projek pengangkutan awam berjalan lancar. Sebagai contoh, MRT Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) yang sedang dalam pembinaan dijangka siap pada tahun 2022 manakala projek LRT3 (Bandar Utama-Klang) dijangka siap pada tahun 2024. Pada 15 April 2019, Kerajaan telah mengumumkan untuk meneruskan projek Landasan Keretapi Pantai Timur (East Coast Rail Link, ECRL) dengan kos RM44 bilion, dijangka siap pada Disember 2026.

6. Bagi tahun 2019, Kerajaan telah menetapkan sasaran tahunan sebanyak purata harian 1.3 juta penumpang pengangkutan awam di Greater KL/Lembah Klang. Manakala sasaran bagi tahun 2020 belum ditetapkan.

Sekian, terima kasih.